

UPM bina kilang sawit teknologi hijau di Sabah

Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan kerjasama dengan Kyushu Institute of Technology (Kyutech) dari Jepun, sedang membina kilang perintis minyak sawit teknologi hijau di Keningau, Sabah.

Ketua Kumpulan Penyelidik Bioteknologi Alam Sekitar UPM, Prof Dr Mohd Ali Hassan, berkata kilang itu yang dijangka beroperasi pada April tahun depan, bakal menyaksikan tiada sebarang pembuangan sisa sawit, sekali gus mengurangkan dengan drastik pencemaran udara dan air.

Teknologi berdaya maju

“Kami berharap apabila membina kilang perintis itu, penggiat industri boleh datang dan melihat bahawa teknologi itu berdaya maju,” katanya di luar Kongres Bioteknologi Asia 2015, di Kuala Lumpur, semalam.

Mohd Ali yang juga Ketua Unit Perhubungan Komuniti Industri di Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekular UPM, berkata kilang perintis itu adalah projek di bawah Perkongsian Penyelidikan Sains dan Teknologi bagi Program Pembangunan Lestari (Satrep).

Beliau berkata, di bawah program berkenaan, UPM menerima pembiayaan RM15 juta termasuk RM12 juta daripada Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun (JICA) dan RM3 juta daripada Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia.

BERNAMA